

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Dato' Hasbullah Bin Osman (Gerik)**
KAWASAN : **Gerik**
TARIKH : **09.03.2017 (Khamis)**
NO. SOALAN : **48**

SOALAN

YB Dato' Hasbullah Bin Osman (GERIK) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan dan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan sekiranya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak berjaya untuk dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan pengunduran Amerika Syarikat daripada TPPA pada 30 Januari 2017, Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan bawah TPPA.

2. Susulan itu, Malaysia dan negara anggota TPPA lain sedang menimbang beberapa alternatif sebagai langkah seterusnya. Pada masa

kini, terdapat tiga kelompok negara dengan pandangan masing-masing seperti berikut:

- Kelompok pertama ialah negara-negara seperti Jepun dan New Zealand yang berharap TPPA akan dilaksanakan berdasarkan syarat semasa. Untuk makluman, Jepun dan New Zealand sudahpun selesai proses ratifikasi dalam negara masing-masing bagi perjanjian TPP.
 - Manakala kelompok kedua ialah negara-negara seperti Mexico dan Kanada yang lebih tertumpu kepada kemungkinan besar Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) disemak semula. Ini kerana Presiden Trump telah berulang kali menyatakan hasrat beliau untuk mengkaji semula NAFTA di samping penarikan diri dari TPPA.
 - Kelompok ketiga pula meliputi negara-negara seperti Malaysia, Vietnam, Brunei Darussalam dan Singapura yang berpendapat bahawa beberapa perkara di dalam TPPA adalah baik untuk diteruskan dengan pindaan undang-undang walaupun TPPA tidak terlaksana.
3. Sehubungan itu, hala tuju dan kemungkinan pelaksanaan TPP tanpa Amerika Syarikat adalah bergantung kepada perbincangan lanjut antara 11 buah negara anggota TPP yang lain di peringkat Ketua-Ketua Perunding.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 9.3.2017 (KHAMIS)

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk Mahkamah Hak Harta Intelek di Malaysia dan bagaimanakah Kerajaan akan melindungi serta menyedarkan Industri kecil dan Sederhana mengenai isu-isu berkait dengan Hak Harta Intelek.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, Mahkamah Harta Intelek telah berkuatkuasa pada Julai 2007. Malaysia mempunyai sebanyak 21 Mahkamah Harta Intelek yang terdiri daripada 15 Mahkamah Sesyen di setiap negeri termasuk 1 di Putrajaya, dan 6 Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Sabah, dan Sarawak.

Penubuhan Mahkamah Harta Intelek bertujuan untuk mendengar dan membicarakan kes-kes yang melibatkan, antara lain, pelanggaran hak harta intelek. Mahkamah Sesyen Harta Intelek mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes jenayah harta intelek sementara Mahkamah Tinggi Harta Intelek mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes sivil berkenaan pelanggaran hak harta intelek serta kes-kes rayuan jenayah dari Mahkamah Sesyen Harta Intelek.

Dengan kewujudan mahkamah harta intelek, kes-kes pelanggaran harta intelek di Malaysia dapat didengar di mana pemilik harta intelek dapat menguatkuasakan hak harta intelek mereka di bawah undang-undang. Sehubungan itu, dengan kewujudan Mahkamah Harta Intelek ianya dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara.

KPDNKK, bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menjalankan pelbagai program kesedaran perlindungan harta intelek untuk semua lapisan masyarakat termasuklah pemain industri di dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Sepanjang tahun 2016, sejumlah 143 program untuk meningkatkan kesedaran bagi menggalakkan IKS untuk mendaftarkan harta intelek di MyIPO telah

dijalankan yang turut melibatkan agensi yang berkaitan seperti SME Corp., Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), TERAJU, TEKUN, MARA dan Dewan-Dewan Perniagaan. Program-program tersebut meliputi seminar, bengkel, taklimat dan khususnya Klinik Harta Intelekt kepada golongan sasaran. Manakala bagi tahun 2017, sehingga bulan Februari sebanyak 10 program telah berjaya dianjurkan. Program-program untuk meningkatkan kesedaran perlindungan hak harta intelek akan terus dijalankan secara berterusan kepada semua golongan sasaran termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS).